

13 OCT 1998

Pemuda-Lantik

PELANTIKAN NAIB KETUA PEMUDA KELANTAN DIUMUM MINGGU INI

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Pelantikan Naib Ketua Pemuda UMNO Kelantan yang baru akan diumumkan dalam minggu ini, kata Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Pelantikan itu adalah bagi mengisi kekosongan jawatan berkenaan berikutan pemecatan bekas Naib Ketua Pemuda UMNO Kelantan Dr Wan Hasni Wan Sulaiman oleh Majlis Tertinggi (MT) parti pada 6 Okt lepas.

"Saya perlukan sedikit masa, tunggulah sehari dua lagi," katanya selepas menerima kunjungan Ketua Pengurusan Sumber Luar Ethiopia, Dr Mulu Ketsela di pejabatnya, di sini hari ini.

Beliau berkata beliau mengambil masa yang lama untuk memilih calon sesuai kerana perlu berbincang dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan dan Timbalan Pengerusi Datuk Annuar Musa.

"Kami juga perlu mengadakan perbincangan dengan kalangan anggota peringkat bahagian dan anggota badan perhubungan UMNO Kelantan," katanya.

Katanya persetujuan daripada anggota UMNO terbabit penting bagi memastikan pelantikan Naib Ketua Pemuda yang baru itu tidak akan mengeruhkan keadaan.

Menurutnya keadaan di Kelantan sekarang adalah stabil dan semua program yang dirancang Pemuda UMNO berjalan seperti biasa

Ketika mengulas pelantikan Mohd Ismail Mohd Othman sebagai Ketua Pemuda UMNO Pulau Pinang dan Shahrul Akram Othman sebagai Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan yang baru, Hishammuddin berkata anggota parti di negeri itu menyambut baik pelantikan berkenaan.

"Anggota-anggota terbabit telah memaklumkan kepada saya bahawa mereka akan memberi kerjasama dan sokongan kepada Ketua Pemuda yang baru," katanya.

Mohd Ismail menggantikan Dr Rahim Ghouse manakala Shahrul Akram menggantikan Ruslan Kassim.

Majlis Tertinggi yang bermesyuarat pada 6 Okt lepas, memecat Rahim, Ruslan dan Dr Wan Hasni serta tujuh lagi anggota kerana menentang parti.

-- BERNAMA

NY NMO